

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 43

Pada 1 Mei 2017, Jasni telah memulakan sebuah perniagaan dengan pelaburan sebanyak RM15,000 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di tangan	3,000
Tunai di bank	12,000

Urus-urus niaga di bawah telah berlaku sepanjang bulan Mei 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017 Mei 2	Membeli perabot secara kredit daripada Sasha Furniture RM5,000.
2	Mendapatkan pinjaman dari SME Bank sebanyak RM10,000 yang telah dikreditkan terus ke akaun bank perniagaan.
4	Membeli barang niaga secara cek RM2,000.
8	Menjual barang niaga berkos RM800 pada harga RM1,380 kepada Lim Kee.
9	Lim Kee telah memulangkan barang rosak yang berkos RM80. Harga jualan barang ini ialah RM120.
12	Jasni telah mengeluarkan barang niaga berkos RM150 untuk tujuan promosi. Harga pasaran barangan ini ialah RM260.
15	Membeli barang niaga secara kredit daripada Lekom Traders RM1,200.
18	Membayar angkutan belian barang niaga dari Lekom Traders RM80 secara tunai.
20	Memulangkan barangan yang salah jenama kepada Lekom Traders RM200.
23	Membayar Lekom Traders RM920 secara cek untuk menjelaskan akaunnya secara sepenuhnya.
28	Jualan tunai barang niaga yang berkos RM220 pada harga RM480. Jumlah jualan ini telah dibankkan.
28	Pembayaran ansuran pinjaman sebanyak RM800 secara cek, termasuk RM150 untuk faedah pinjaman.
30	Membayar gaji pekerja RM900 secara cek.
31	Lim Kee telah membayar sebahagian daripada hutangnya RM800 dengan cek.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urusaniaga di atas.

	Perabot	Inven- tori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinja- man bank	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM	RM
Baki pada Mei 1									
2									
2									
4									
8									
9									
12									
15									
18									
20									
23									
28									
28									
30									
31									
Baki pada Mei 31									

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Mei 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.